




Oleh: Dr. Mohd. Hilmi b. Abdullah
 pustakahilmi@yahoo.com/pustakahilmi.blogspot.com
 Pensyarah di Jabatan Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Tg. Malim, Perak.



Lagi-lagi FACEBOOK



olah hidup sunyi jika tidak berinteraksi dengan rakan FB. "Mereka berasa lebih selesa dan selamat untuk berkomunikasi melalui Internet sekali gus membantutkan perkembangan interaksi terus sesama manusia", tegasnya lagi.

Bagi mereka yang kurang celik Internet, apatah lagi buta FB, mereka mungkin kurang yakin dengan fakta-fakta yang dinyatakan di atas. Sudahlah jumlah 60,000 orang pelajar tersebut dianggap terlalu besar bagi sebuah negara yang hanya mempunyai penduduk sebanyak 28 juta orang sahaja, kenyataan bahawa ketagihan terhadap laman sosial seumpama FB sekarang ini boleh disamakan dengan ketagihan terhadap dadah yang sukar untuk diubahi menambahkan lagi keraguan terhadap kesahihan kajian yang dilakukan.

Namun, bagi saya dan rakan-rakan yang terlibat secara langsung dalam komunikasi maya di FB, fakta-fakta yang dibentangkan di atas tidaklah begitu mengejutkan kami. Merujuk kepada FB, laman sosial yang dibina oleh Mark Zuckerberg semenjak tahun 1984 ini mempunyai daya tarikan yang sangat kuat untuk seseorang itu sentiasa mengemaskinkan status masing-masing dalam FB, memberi komen dalam status sendiri dan rakan-rakan FB yang lain, membaca pelbagai komen yang diberikan, memuat naik gambar, berceloteh secara maya, dan pelbagai lagi aplikasi yang menguja.

Dalam hal ini, setelah anda menulis pendapat anda dalam FB tentang sesuatu isu yang sedang berlaku dalam masyarakat dan negara ini contohnya, anda pastinya ingin mengetahui respons daripada rakan-rakan FB anda yang lain. Jika ada yang memuji pendapat anda tersebut, atau sekurang-kurangnya menekan butang like pada status anda tersebut,

BARU-BARU INI KITA DIKEJUTKAN DENGAN DATA YANG MENDAKWA KIRA-KIRA 60,000 PELAJAR BERUSIA ANTARA 12 HINGGA 18 TAHUN DI NEGARA INI DIKESAN MENGHABISKAN SEKURANG-KERANGNYA EMPAT JAM SEHARI MELAYARI INTERNET, TERUTAMA LAMAN SOSIAL FACEBOOK (FB).

Lebih membimbangkan, ketagihan terhadap Internet, terutama FB itu menyebabkan para pelajar terbabit kerap menipu, mencuri, antisosial, ponteng sekolah, dan berubah menjadi seorang yang pemaarah sekiranya keinginan mereka tidak dapat dipenuhi.

Menurut Pengarah Institut Sosial

Malaysia (ISM), Prof. Madya Dr. Mohd Fadzil Che Din, ketagihan remaja melayari laman web itu semakin serius sehingga sanggup bertindak ganas sekiranya dihalang menggunakan kemudahan online. Pendek kata, melayari Internet kini menjadi sebahagian kehidupan harian mereka dan sering berasakan seolah-

anda pastinya akan terasa seperti diharagai. Sebaliknya, jika anda rakan FB yang tidak bersetuju, anda sudah pasti akan mencuba menjawab kritikan tersebut, di samping memerhatikan respons daripada rakan-rakan yang lain.

Di samping aplikasi dalam bentuk komunikasi maya tersebut, FB juga menawarkan pelbagai aplikasi hiburan dan permainan kepada para pemegang akaun FB, seperti *FarmVille*, *City Ville*, *The Sims Social*, *Garden of Time*, *Double Down Casino*, *Adventure World*, dan yang terbaru yang semakin mendapat sambutan hangat, iaitu *Full Stack Poker* dan *Chat Arabia*. Banyak dan banyak lagi. Pendek kata, sekali anda mencuba permainan yang dimaksudkan, anda pasti akan mencubanya untuk kali yang kedua. Akhirnya, ramai yang terperangkap dalam lingkaran ganas FB.

FB MELALAIKAN?

Bagi mereka yang menentang FB dan anti kepada laman sosial yang dicipta oleh orang Yahudi ini, unsur-unsur negatif yang terdapat dalam FB telah dijadikan alasan oleh mereka untuk menjauhkan diri mereka dari godaan FB. Malah, ada pihak yang mengharamkan FB atas alasan laman sosial tersebut mampu memporak-perandakan rumah tangga, melalaikan seseorang daripada menunaikan tanggungjawab, melengah-lengahkan tugas, membazirkan waktu, mengurangkan produktiviti, dan menggalakkan maksiat, termasuk maki hamun dan pendedahan aurat.

Apa tidaknya, sedangkan laman sosial tersebut penuh dengan gambar-gambar wanita yang dimuat naik, sama ada yang masih gadis, atau pun yang sudah bersuami. Jika seorang isteri memuat naik gambar lama zaman persekolahan contohnya, gambar tersebut pastinya akan diberi pelbagai ulasan daripada sahabat-sahabat lamanya sehingga mengimbau kisah-kisah silam, termasuk kisah percintaan zaman muda-mudi. Kisah-kisah seperti inilah yang akhirnya boleh menimbulkan salah faham antara suami isteri sehingga boleh meretakkan keharmonian rumah tangga.

Manakala, bagi mereka yang me-

nyokong FB pula, golongan ini sentiasa berujah bahawa FB hanyalah alat, atau medium yang wujud akibat daripada perkembangan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Sebagai medium, FB sudah pasti bersifat serampang dua mata, iaitu boleh digunakan untuk tujuan

“
Jika seorang isteri memuat naik gambar lama zaman persekolahan contohnya, gambar tersebut pastinya akan diberi pelbagai ulasan daripada sahabat-sahabat lamanya sehingga mengimbau kisah-kisah silam, termasuk kisah percintaan zaman muda-mudi. Kisah-kisah seperti inilah yang akhirnya boleh menimbulkan salah faham antara suami isteri sehingga boleh meretakkan keharmonian rumah tangga
 ”

kebaikan, atau sebaliknya. Kerana itulah kita dapati sekarang, hampir semua parti politik berlumba-lumba mencari pengaruh dan menyebarkan fahaman politik masing-masing melalui FB.

Bagi golongan yang berniaga pula, mereka pasti tidak melepaskan peluang mempromosikan barangan dan perkhidmatan mereka dalam FB, lebih-lebih lagi apabila melihat jaringan sosial FB yang

amat luas dan percuma pula. Manakala, bagi golongan pelajar, mereka yang bijak mengeksploitasi aspek positif dalam FB akan mengambil peluang berinteraksi dalam FB untuk menambahkan pengetahuan mereka dalam sesuatu ilmu pengetahuan, menambahkan pengalaman, mencari seberapa banyak rakan FB yang bersifat membina dan mataruf, dan pelbagai lagi faedah.

CARA BERINTERAKSI

Sebenarnya Islam telah lama memberi panduan kepada kita kaedah, atau cara yang betul untuk kita berinteraksi dalam laman sosial seumpama FB ini. Firman Allah Taala dalam surah Al-Asr yang bermaksud, *"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih, dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menepati kesabaran"*.

Firman-Nya lagi dalam surah al-Mu'minun, dari ayat yang pertama hingga ayat yang ke-3 yang bermaksud, *"Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam solatnya. Dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada (perbuatan dan perkataan) yang sia-sia."*

Pendek kata Islam tidak pernah melarang umatnya dari menggunakan apa sahaja medium yang dicipta bagi tujuan menghubungkan antara seseorang dengan seseorang yang lain, termasuk FB. Perkara yang paling penting bagi kita sebagai pengguna FB ialah menjauhkan perkara-perkara yang membawa kepada maksiat, melalaikan, memfitnah, menjatuhkan maruah orang lain, dan sebagainya.

Sebagai gantinya, Islam menyarankan supaya kita saling nasihat menasihati antara satu sama lain jika terdapat dalam kalangan rakan FB yang terlanjur melakukan perkara-perkara di atas, serta menggalakkan kita menyatakan sesuatu yang benar dan hak, dan saling ingat mengingati akan perkara-perkara yang membawa kebaikan. **A**